



SIARAN MEDIA

500 ANAK POKOK BAKAU DITANAM DI HUTAN SIMPAN JERLUN, PERKUKUH USAHA KONSERVASI EKOSISTEM PESISIRAN PANTAI

Alor Setar, Kedah | 23 Ogos 2026 – Sebanyak 500 anak pokok bakau telah ditanam di Hutan Simpan Jerlun, Kedah bersempena Sambutan Hari Konservasi Ekosistem Hutan Paya Laut Antarabangsa Peringkat Kebangsaan Tahun 2026, sebagai usaha berterusan memperkuat pemeliharaan dan pemuliharaan ekosistem hutan paya laut negara. Turut serta dalam program ini adalah Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia, YBhg. Dato' Mohd Radhi Chu bin Abdullah dan Pengarah Perhutanan Negeri Kedah, Tuan Haji Othman bin Deris.

Program penanaman tersebut dianjurkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Kedah dengan penglibatan jabatan dan agensi Kerajaan, Yayasan PETRONAS dan komuniti setempat. Sebanyak dua spesies bakau ditanam, iaitu bakau kurap (*Rhizophora mucronata*) dan bakau minyak (*Rhizophora apiculata*).

Hutan Simpan Jerlun telah diwartakan sebagai Hutan Simpanan Kekal (HSK) pada 14 Februari 2022 dengan keluasan 185.74 hektar dan merupakan ekosistem hutan paya laut yang penting di Negeri Kedah.

Penanaman ini selaras dengan tema sambutan tahun 2026, iaitu "Ekosistem Hutan Paya Laut Ke Arah Kelestarian Ekonomi Biru", yang menekankan kepentingan ekosistem hutan paya laut sebagai asas kepada kelestarian alam sekitar, pertumbuhan ekonomi, kesejahteraan komuniti serta daya tahan negara dalam menghadapi perubahan iklim.

Hari Konservasi Ekosistem Hutan Paya Laut Antarabangsa disambut pada 26 Julai setiap tahun susulan pengisytiharan oleh UNESCO pada 6 November 2015. Sambutan ini bertujuan meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan memelihara dan memulihara ekosistem hutan paya laut termasuk kawasan pesisiran pantai.

Jabatan Perhutanan menyeru agar masyarakat terus memainkan peranan dalam memelihara dan memulihara kawasan hutan paya laut kerana ekosistem ini bukan sahaja penting kepada alam sekitar, malah menyumbang kepada biodiversiti, perlindungan pesisiran pantai, sumber ekonomi dan kesejahteraan komuniti setempat.

Usaha pemuliharaan yang dilaksanakan hari ini merupakan pelaburan jangka panjang bagi memastikan khazanah hutan paya laut terus berfungsi sebagai benteng semula jadi dan sumber kehidupan untuk generasi akan datang.

JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA
24 OGOS 2026



Unit Komunikasi Korporat dan Perhubungan Awam | Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia
Tel: 03-2616 4488 | Faks: 03-2692 5657



JPSMOfficial